

### Tema 2: Perpaduan

#### Objektif Pembelajaran

Pada akhir aktiviti, murid dapat:

1. Membaca dan memahami sekurang-kurangnya tiga perkataan dan ayat berdasarkan bahan.
2. Mengenal pasti sekurang-kurangnya dua nilai perpaduan dalam teks.
3. Menyatakan secara lisan tentang cara mengeratkan perpaduan di sekolah.

#### Bahan yang Diperlukan

1. Teks mudah (Tajuk: Gotong-royong Kelas 2 Cempaka)
2. Kad gambar pelbagai kaum.
3. Kad perkataan (hormat-menghormati, kasih sayang dan bekerjasama)
4. Papan putih/kertas mahjong

#### Langkah-langkah Aktiviti

1. Murid ditunjukkan gambar masyarakat pelbagai kaum oleh guru.
2. Soal jawab ringkas antara murid dan guru. (Contoh: "Apakah yang mereka sedang buat?" Adakah mereka berkawan baik?")
3. Aktiviti "Think-Pair-Share": Murid duduk secara berpasangan.
4. Setiap pasangan membaca teks mudah. Pasangan saling membantu.
5. Setiap pasangan dan guru membaca teks bersama-sama.
6. Setiap pasangan diberikan kad gambar. Murid diminta memadankan kad gambar dengan kad perkataan nilai perpaduan (bekerjasama, hormat-menghormati dan kasih sayang)
7. Guru dan murid bincangkan nilai berdasarkan kad gambar.
8. Guru mengajukan soalan kepada murid. (Contoh: "Apakah yang boleh kamu lakukan untuk mengeratkan perpaduan sesama kaum?").
9. Murid menjawab soalan secara lisan.
10. Guru memberi pujian dan maklum balas.